

22/06/2001

`Bukan hanya keputusan saya'

an; Tuan Nazuri Tuan Ismail; Kandau Sidi; Teh Kean Kiat
KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, soal bila beliau akan berundur daripada politik bukan hanya membabitkan keputusannya seorang, tetapi perlu mengambil kira pandangan ahli parti.

Perdana Menteri yang sekali lagi disoal media asing bila akan berundur, berkata ia adalah soalan yang sukar untuk dijawab kerana ia bukan hanya membabitkan keputusannya.

"Kalau saya mengikut cara saya, saya sudah meletakkan jawatan pada 1988 tetapi keadaan tidak mengizinkan dan sekarang saya masih berada di sini.

"Pada kala ada orang suka melihat saya `hilang' dan `lupus', masih ada orang yang suka sekiranya saya terus memimpin. Sekiranya mendengar perbincangan hari ini, masih terdapat sokongan untuk saya, kerana itu saya perlu cari masa sesuai untuk mengundurkan diri.

"Saya memang hendak mengundurkan diri bagi memuaskan hati orang asing tetapi tidak mudah untuk berbuat demikian kerana anda mempunyai tanggungjawab yang perlu dipikul," katanya dalam sidang akhbar pada hari pertama perhimpunan agung Umno, petang ini.

Mengenai kemungkinan beliau akan terus bertanding pada pilihan raya akan datang, Dr Mahathir berkata:

"Saya tidak tahu. Saya mungkin sakit, saya mungkin jatuh sekali lagi dan saya mungkin ditolak oleh parti saya sendiri... saya tidak tahu."

Mengenai ahli parti pembangkang yang ditahan mengikut Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA), Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak ada kena mengena dengan Umno, sebaliknya ia membabitkan keselamatan majoriti rakyat yang cintakan keamanan.

Parti pembangkang, katanya, tidak perlu mengadakan sebarang demonstrasi jalanan kerana negara ini mengamalkan sistem demokrasi yang memberi kebebasan kepada setiap pemimpin pembangkang yang menang pilihan raya untuk melaksanakan tugas mereka tanpa sebarang sekatan.

"Di Malaysia kita tahu parti pembangkang boleh menang, malahan sekarang dua negeri di bawah kekuasaan mereka. Kita tidak pernah menyekat mana-mana ahli pembangkang daripada menduduki kerusi mereka di Parlimen atau peringkat negeri, dengan mendakwa mereka.

"Kami menjaga kebajikan majoriti rakyat negara ini yang cintakan keamanan, dan jika ada orang yang mencetus masalah kepada rakyat, mereka perlu ditahan mengikut undang-undang negara ini," katanya.

Berhubung ucapan dasarnya yang banyak menyentuh mengenai kemelut Melayu, Presiden Umno itu menegaskan, adalah tugasnya untuk memberi amaran kepada orang Melayu risiko yang bakal berlaku jika mereka tidak berubah sikap.

Katanya, intipati ucapan dasar itu adalah untuk memberitahu seluruh bangsa Melayu bahawa kecuali mereka bekerja keras untuk memperbaiki situasi sekarang, mereka akan mengalami masalah lebih serius pada masa akan datang.

"Saya tidak terdesak, tetapi sebagai pemimpin adalah menjadi tugas saya untuk memberi amaran kepada rakyat mengenai apa yang akan berlaku sekiranya mereka melakukan sesuatu," katanya.

(END)